

Tangkapan ikan terjejas

KUALA TERENGGANU 26 Dis. - Tangkapan ikan di Terengganu semasa musim banjir ini sejak dua minggu lepas terjejas disebabkan banyak bot tidak keluar ke laut.

Ahli Lembaga Pengarah Persatuan Nelayan Negeri Terengganu (Penentu), Marzuki Abdul Jalil berkata, daripada 72,000 metrik tan tangkapan sebulan, hanya baru 48 metrik tan didaratkan dalam tempoh dua minggu ini.

“Sekarang ini, kita bergantung kepada bekalan dari luar Terengganu untuk menampung keperluan orang ramai di sini,” katanya di sini hari ini.